



Bahasa Rumpun Bangsa

Editor

HAMIDAH ABDUL WAHAB

Bahasa Rumpun Bangsa

© UNIMAS Publisher, 2024

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin bertulis daripada Penerbit UNIMAS.

Diterbitkan di Malaysia oleh
UNIMAS Publisher,
Universiti Malaysia Sarawak,
94300 Kota Samarahan,
Sarawak, Malaysia.

Dicetak di Malaysia oleh
Firdaus Press (Sarawak) Sdn. Bhd.,
Lot 488, 1st Floor, Section 10, Ktld, Rubber Road,
93400 Kuching,
Sarawak, Malaysia.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-967-0054-53-7

KANDUNGAN

Prakata	ix
Penghargaan	xiii
1 Ragam Bahasa dalam Wayang Kulit Gedek Seri Asun <i>Nurul Ammarahraihan Arshad dan Hamidah Abdul Wahab</i>	1
2 “Nang Peceah Lingo Kau Yo”: Yang Tersurat dan Tersirat dalam Ujaran Dialek Melayu Kabong <i>Mimi Huzaimah Yusup dan Ernisa Marzuki</i>	17
3 Ketidaksantunan Bahasa dalam Filem P. Ramlee Tiga <i>Abdul</i> <i>Ros Eliana Adzni, Nur Afifah Atirah Saperi dan Ahmed</i> <i>Shamsul Bahri Mohamad Tuah</i>	35
4 Pemanfaatan Kamus Melanau Mukah-Melayu Dewan dalam Pembelajaran Bahasa <i>Siti Nur Afieza Mazlan dan Wan Robiah Meor Osman</i>	55

5	Makna Implisit di Sebalik Pantang Larang Kaum India	69
	<i>Roslan Ali dan Arvin Balakrishnan</i>	
6	Mesej Kerajaan kepada Rakyat semasa Pandemik COVID-19	89
	<i>Muhammad Aliff Farhan Mohd Noryazeed dan Wan Robiah Meor Osman</i>	
7	Penggunaan Bahasa Kantonis Di Malaysia	103
	<i>Su-Hie Ting, Ethan Yao-Liang Ho dan Siti Marina Kamil</i>	
	Maklumat Penyumbang Bab	127
	Indeks	133

PRAKATA

Bahasa yang “hidup” ialah bahasa yang terus digunakan oleh penuturnya, bukan sahaja sebagai medium perantaraan dan komunikasi, malah menjadi lambang serta identiti sesebuah masyarakat secara seluruhnya. Keunikan dan keindahan sesebuah bahasa banyak bergantung kepada cara bahasa diekspresikan oleh penuturnya, mengikut pemikiran dan acuan budaya tersendiri.

Ruang lingkup buku ini tidak terhad kepada bahasa sukuan seperti dialek *Melayu* dan bahasa Melanau di Sarawak, malah menyentuh juga elemen figuratif, ragam serta lakuan bahasa *Melayu*. Buku ini turut merungkai aspek bahasa dan kepercayaan yang wujud dalam pantang larang masyarakat India serta situasi penggunaan bahasa Kantonis di Malaysia.

Setiap bab yang disusun dalam buku ini diolah sejajar dengan fokus penulisannya dari sudut bahasa setempat. Unsur bahasa merentas bangsa yang diketengahkan dalam penulisan bab buku ini bukan hanya difahami dalam konteks suku kaum itu sendiri, malah wajar disebarluaskan untuk dikongsi bersama masyarakat lainnya, seiring dengan senario masyarakat majmuk kita di Malaysia. Sungguhpun penulisan bab buku ini turut disertai dengan penerapan kerangka teori tertentu, namun huraianya diselaraskan dengan pengetahuan serta kefahaman khalayak pembaca yang pelbagai.

Bab 1 buku ini yang ditulis oleh Nurul Ammarahraihan Arshad dan Hamidah Abdul Wahab menghuraikan ragam bahasa dan fungsinya dalam seni kreatif tradisional, iaitu wayang kulit. Dengan memfokus kepada

wayang kulit gedek oleh Kumpulan Seri Asun, gaya dan ragam bahasa yang diketengahkan oleh tok dalang dalam persembahan beliau termasuklah perulangan, sindiran, jenaka, herdik, mengejek, tempelak, dan mengeluh. Sungguhpun dunia hari ini menyaksikan pelbagai perubahan dan kemajuan teknologi yang menuntut banyak pengorbanan warganya, elemen bahasa, sastera dan budaya tradisi seperti wayang kulit ini wajar dilestarikan, khususnya bagi memartabatkan dasar bahasa, budaya dan sastera kebangsaan.

Menerusi Bab 2, pembaca disajikan dengan penulisan oleh Mimi Huzaimah Yusup dan Ernisa Marzuki yang menyentuh tentang aspek pemaknaan dalam dialek *Melayu* Kabong, Sarawak. Dengan mengetengahkan ungkapan bersifat kiasan, unsur denotatif dan konotatif dijelaskan dari sudut ketelusannya, iaitu tahap kefahaman maknanya dengan bahasa *Melayu*. Dalam hal ini, kefahaman konteks tempatan membantu penutur memahami makna konotatif dalam sesetengah ungkapan, sekali gus menggambarkan kepekaan dan ketinggian pemikiran penutur, khususnya dalam penggunaan ungkapan berkias.

Bab 3 oleh Ros Eliana Adzni, Nur Afifah Atirah Saperi dan Ahmed Shamsul Bahri Mohamad Tuah mengupas filem *Tiga Abdul*, karya seniman agung Tan Sri P. Ramlee dari sudut ketidaksantunan bahasa. Filem yang digarap dengan pengaruh latar politik dan budaya luar negara ini mengetengahkan isu-isu yang lazim wujud dalam kehidupan seharian, antaranya kekuasaan, demokrasi, toleransi, dan hubungan kekeluargaan. Dalam hal ini, luahan watak-watak yang menghidupkan filem menerusi bahasa yang digunakan banyak didorong oleh pengaruh dan isu-isu yang dimaksudkan, dan turut menggambarkan kredibiliti, ketegasan serta kesabaran seseorang individu yang bertindak sebagai pemimpin.

Penelitian bahasa Melanau Mukah dalam perbandingannya dengan bahasa *Melayu*, khususnya dari sudut perkamusan dijalankan oleh Siti Nur Afieza Mazlan dan Wan Robiah Meor Osman dalam Bab 4. Maklum balas daripada pelajar salah sebuah institusi pengajian tinggi awam, iaitu Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) sebagai responden kajian menunjukkan peri pentingnya penggunaan kamus dan pemantapan ilmu leksikografi atau perkamusan dalam konteks pembelajaran dan pengajaran bahasa, misalnya melibatkan bahasa sukuan Sarawak.

Dari sudut pragmatik, Bab 5 yang ditulis oleh Roslan Ali dan Arvin Balakrishnan membawa perspektif pembaca meneroka makna implisit atau makna tersirat dalam ujaran pantang larang yang ada dan masih diamalkan oleh kaum India di Malaysia. Kupasan secara mendalam berkenaan pantang larang dengan bersandarkan kerangka analisis yang bersesuaian ini amat menarik diketengahkan kerana dapat menunjukkan bahawa penggunaan bahasa tersebut bukanlah secara sewenang-wenangnya, sebaliknya mempunyai maksud dan kewajarannya tersendiri berdasarkan budaya, pengetahuan, pengalaman, dan kepercayaan penganutnya. Bab ini juga menonjolkan etika budaya dan bahasa yang masih wujud serta diamalkan dalam kalangan komunitinya.

Bab 6 yang dihasilkan oleh Muhammad Aliff Farhan Mohd Noryazeed dan Wan Robiah Meor Osman pula meneliti aspek bahasa menerusi mesej kerajaan dalam khidmat pesanan ringkas kepada masyarakat umum berkaitan COVID-19. Huraian dari sudut pragmatik dengan menggunakan kerangka lakuan bahasa menunjukkan bahawa secara khusus, mesej-mesej berkenaan bukan sahaja berperanan sebagai perkongsian maklumat, malah sebagai strategi untuk menimbulkan kesedaran dan mendorong masyarakat dalam bersama-sama menangani wabak ini secara kolektif.

Bab terakhir buku ini oleh Ting Su Hie, Ethan Yao Liang Ho dan Siti Marina Kamil mengupas persoalan penggunaan bahasa Kantonis di Malaysia berdasarkan beberapa domain seperti keluarga, persahabatan, perdagangan, pekerjaan, agama, kerajaan, dan media baharu. Penelitian ini memberikan gambaran semasa yang signifikan dalam penggunaan bahasa, dan pada masa yang sama menunjukkan bahawa kecenderungan pemilihan bahasa tertentu dalam interaksi berupaya menjadi penentu dan tanda aras kepada kelestarian bahasa dalam sesebuah masyarakat.

Dengan terhasilnya buku ini, diharap agar kupasan aspek bahasa dan penelitian bahasa figuratif dalam beberapa konteks dapat ditelusuri dengan lebih mendalam, dan pada masa yang sama menyingkap keunikan bahasa serta budaya rumpun bangsa Malaysia.

Hamidah Abdul Wahab (Editor)

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya buku ini berjaya diterbitkan.

Penghargaan dan jutaan terima kasih didedikasikan kepada pihak UNIMAS, khususnya UNIMAS Publisher kerana menerbitkan buku ini. Rakaman terima kasih juga dizahirkan kepada semua informan dan responden yang terlibat dalam penyelidikan yang telah dijalankan. Terima kasih juga kepada semua individu yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penerbitan buku ini. Dengan kerjasama semua pihak, buku ini dapat dihasilkan dengan jayanya.

Semoga perkongsian ilmu dalam buku ini dapat dimanfaatkan oleh para pelajar insitusi pengajian tinggi, tenaga pengajar, pengkaji bahasa, dan khalayak pembaca seluruhnya.

Sekian, terima kasih.

MAKNA IMPLISIT di SEBALIK BAHASA PANTANG LARANG KAUM INDIA

**Roslan Ali
dan
Arvin Balakrishnan**

Pengenalan

Umum mengetahui bahasa merupakan elemen penting untuk berkomunikasi dan kewujudannya seiring dengan munculnya manusia di muka bumi ini. Apabila bahasa dikaitkan dengan pantang larang, maka maknanya menjadi lebih khusus, iaitu merujuk kepada satu sistem kepercayaan (agama dan lain-lain) yang dianggap benar dan seharusnya diterima oleh orang ramai tanpa sebarang pertikaian (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015).

Amalan pantang larang dalam masyarakat sebenarnya sudah bermula sekian lama, iaitu daripada zaman nenek moyang hinggalah ke generasi berikutnya. Aspek bahasa tidak dapat disisihkan daripada pantang larang kerana bahasa memainkan peranan yang sangat penting dalam penyampaian maklumat. Tanpa bahasa, sesuatu pantang larang itu dilihat tidak berjiwa atau tidak bermakna.

Hal ini jelas menunjukkan bahawa pantang larang dan bahasa mempunyai hubungan simbiosis antara satu sama lain. Tanpa hubungan tersebut, sesuatu pantang larang yang diamalkan tanpa mengetahui sebab dan kesan di sebalik pelarangannya, maka jangka hayat pantang larang

menjadi input kepada kesan kognitif yang mungkin relevan dengan konteks penyampaiannya. Maka, ujaran ini menggunakan frasa bersifat ostensif untuk menarik perhatian pendengar, di samping menimbulkan kesan kognitif yang tinggi.

Kesimpulan

Bahasa pantang larang yang dicipta oleh generasi terdahulu dan kemudiannya diperturun kepada warisnya secara lisan bukanlah sesuatu yang sia-sia. Bahasa pantang larang tersebut mempunyai makna implisit yang perlu dicungkil dan difahami dengan jelas oleh generasi sekarang. Dalam konteks kaum India, tujuan di sebalik penciptaan bahasa pantang larang antaranya adalah untuk mendisiplinkan masyarakatnya supaya hidup lebih berperaturan dan beradab, tidak terpengaruh dengan budaya asing, dan pada masa yang sama mengamalkan pantang larang yang baik, iaitu yang boleh membina sahsiah diri.

Rujukan

- Ganesan Shanmugavelu. (2015). *Akhbar-akhbar Tamil dan pemikiran tentang kaum India di Tanah Melayu 1946 – 1960*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). *Komposisi kumpulan etnik utama*. https://dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemebByCat&cat=155&bul_id=dTZX-anV6UUdyUEQ0SHNWVhpsXNMUT09&menu_id=L0pheU43NWJwRWVSZkl-WdzQ4TlhUUT09
- Kamus Besar Bahasa Indonesia Edisi Kelima*. (2017). Badan Pengembangan dan Pembinaan Bahasa, Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2015). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Diyana Zamani, & Hasmidar Hassan. (2018). Bahasa pantang larang masyarakat Melayu dan hubungannya dengan prinsip relevans kognitif dan prinsip relevans komunikatif. *Jurnal Pengajian Melayu*, 29, 118-155.
- Sperber, D., & Wilson, D. (1995). *Relevance Communication & Cognition (Second Edition)*. Blackwell Publisher Ltd.

INDEKS

A

adat 30, 70

B

bahasa berulang 3, 5, 6

bahasa herdik 9, 10

bahasa jenaka 3, 8, 9

bahasa Kantonis ix, xi, 105, 106, 107, 110,
111, 113, 115, 116, 118, 119, 120, 121

bahasa Mandarin 105, 110, 111, 113, 115,
116, 118, 119, 121, 122

bahasa mengejek 3, 11

bahasa seruan 3, 11, 12

bahasa sindiran 3, 7

bahasa tempelak 3, 13, 14

D

dermawan 40,

dialek ix, x, 3, 14, 17, 18, 20, 33, 56, 64,
103, 105, 106, 110, 112, 121

dialek Cina 103, 105, 106, 108, 109, 112,
117, 122

domain xi, 105, 110, 111, 113, 114, 115,
116, 117, 119, 121, 122

F

filem x, 35, 36, 38, 39, 40

G

gaya bahasa 36, 39, 53

I

India ix, xi, 57, 70, 72, 73, 75, 76, 78, 79,
80, 82, 84, 85, 86, 87

K

Kabong x, 18, 19, 20, 26

kamus 24, 25, 28, 29, 32, 55, 59, 63, 65,
66, 67, 68, 69, 71

kaum Kantonis 103

kesan kognitif 60, 72, 74, 75, 77, 80, 81,
83, 86, 87

kesantunan bahasa 36, 37

L

lakuan bahasa ix, xi, 52, 90, 91, 93

lingua franca 104, 119, 121, 122

M

makna denotatif 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28,
29, 30, 31, 32

makna konotatif 17, 18, 23, 24, 25, 26, 27,
28, 29, 30, 31, 32

maksim kerendahan hati 40, 47, 48

maksim kesantunan 40, 52

maksim murah hati 40, 41

maksim persetujuan 49

maksim simpati 50

maksim sokongan 40, 42, 46

Melanau Mukah x, 55, 63, 64, 65, 66, 67,
68

Melayu Sarawak 17, 18, 56

Bahasa Rumpun Bangsa

Buku ini menggabungkan beberapa penulisan yang menjurus kepada pengkajian bahasa dari sudut ragam, makna dan lakuan tuturan, melibatkan data yang bervariasi. Antara data bahasa yang dianalisis termasuklah dialek Melayu utara dalam wayang kulit, bahasa Melayu dalam genre filem dan khidmat pesanan ringkas, serta dialek Melayu Kabong di Sarawak. Buku ini turut mengetengahkan kajian berkaitan peranan dan penggunaan kamus bahasa sukuan, iaitu bahasa Melanau-bahasa Melayu dalam pembelajaran bahasa. Tidak ketinggalan, bahasa dan pantang larang dalam budaya masyarakat India turut dikupas dari sudut pragmatik, selain penjelasan berkenaan senario penggunaan bahasa Kantonis di Malaysia berdasarkan beberapa domain sosial. Dengan memanfaatkan kerangka analisis yang berpada dalam penulisan bagi setiap bab, buku ini sesuai dijadikan rujukan oleh para pelajar, pengkaji, dan peminat bahasa serta bidang linguistik.



Hamidah Abdul Wahab merupakan Pensyarah Kanan Program Linguistik di Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera Bahasa dan Linguistik Melayu (Kepujian) dari Universiti Putra Malaysia, Ijazah Sarjana Bahasa Melayu dari Universiti Sains Malaysia dan Ijazah Doktor Falsafah (Linguistik) dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kajian yang difokuskan ialah Sosiolinguistik, Semantik, dan bahasa sukuan serta budaya masyarakat di Sarawak.